



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 22 MAC 2021

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15.	PAHANG BAKAL PENGELUAR SUSU KERBAU TERBESAR, LOKAL, HM -21 DVS PERLU PASTIKAN TELUR AYAM SELAMAT SEBELUM DIEKSPORT - MAFI, BERNAMA -ONLINE 'DVS PERLU PASTIKAN TELUR AYAM SELAMAT SEBELUM DIEKSPORT', BH -ONLINE DEPUTY MINISTER: ONLY EKSPORT WHEN TEST YIELD SAFETY RESULT, NATION, CHINA PRESS -A17 VETERINARY DEPT: NO SALMONELLA FOUND AT EGG FARM, NATION, THE STAR -8 TELUR AYAM TIADA BAKTERIA SALMONELA, NEGARA, KOSMO -16 EGG SAFETY CONCERN, MUKA DEPAN, NST -1 CHECK ALL EGG FARMS, SAYS FOMCA, STORY OF THE DAY, NST -2 NO SE BACTERIA IN RECALLED EGGS, SAYS VSD, STORY OF THE DAY, NST -3 FOOD SELLERS, CONSUMERS TAKING PRECAUTIONS, STORY OF THE DAY, NST -3 EGG PRICES DROP BETWEEN 2 AND 11 SEN OVEN SE FEARS, STORY OF THE DAY, NST -3 HARGA TELUR TURUN 2 HINGGA 11 SEB, NASIONAL, BH -8 KEMENTERIAN MINTA PASTIKAN PRODUK SELAMAT SEBELUM EKSPORT, NASIONAL, BH -8 'TIADA BAKTERIA SALMONELLA DI LADANG AYAM JERAM', NASIONAL, BH -8 TIADA BAKTERIA SE DI LADANG TELUR CES 008, NASIONAL, SH -11	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
16.	PENCURI GAMAT, LOKAL, HM -21	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
17.	NAFAS BEKAL BENIH PADI BERKUALITI, NASIONAL, SH -12	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
18.	MUKMIN PAY, KOFAMA JALIN KERJASAMA, BISNES SINAR, SH -29	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
19.	USAHAWAN BAKERI TAMBAH CAWANGAN OUTLET, MANFAAT BANTUAN KERAJAAN, BISNES SINAR, SH -29	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
20.	PROGRAM IBPS KAWAL KUALITI PADI -IADA, BH -ONLINE	PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
21.	PESTA TIMBA IKAN GAMIT NOSTALGIA, NEGERI TERENGGANU/KELANTAN, SH -26	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
22. 23. 24. 25. 26. 27. 28. 29.	BEKAS PENGURUS DIDENDAL PASLU DOKUMEN BELI IKAN KERAPU HIBRID, NEGERI TERENGGANU/KELANTAN, SH -26 EX-FARMER'S ORGANISATION GM FINED RM5,000, NEWS IN BRIEF, NST -15 NIAT SUKA-SUKA JANA PENDAPATAN LUMAYAN, NEGARA, KOSMO -12 BALASAN BUAT TUNTUTAN PALSU BELI KERAPU, NEGARA, KOSMO -12 DIDENDA RM5K TIPU BELI KERAPU HIBRID, LOKAL, HM -6 THE MAKING OF CITY FARMERS, BOTS, NST -23 DATA MINING IN MANAGING FARM, BOTS, NST -24 JEJAS HABITAT HAIWAN, LOKASI PELANCONGAN DI SUNGAI LINGGI, LOKAL, HM -22	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/3/2021	HARIAN METRO	LOKAL	21

Oleh Nor Amalina Alias
am@hmetro.com.my

Pasir Puteh

Ageni Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menahan kapal tangki dan bot nelayan asing disyaki dari Thailand dan Vietnam serta merampas 100 kilogram (kg) gamat bernilai RM10,000, Khamis lalu.

Pengarah Maritim negeri, Kepten Maritim Muhd Nur Syam Asmawie Yaacob berkata, tangkapan pertama dilakukan Kapal Maritim (KM) Amanah ke atas kapal tangki Thailand pada jarak 110 batu nautika dari muara Tok Bali pada jam 8 pagi.

Sementara, bot kedua dari Vietnam ditahan pada jarak 45.1 batu nautika dari muara Tok Bali pada jam 12.30 tengah hari.

"Kita menggeledah bot pertama dan menahan lapan kru berusia antara 18 hingga 60 tahun manakala bot kedua dinaiki empat kru berusia antara 28 hingga 36 tahun termasuk seorang tekong serta 100kg gamat.

"APMM mengambil masa 33 jam untuk menunda kedua-dua bot ke Jeti Maritim Kelantan," katanya ketika sidang media di Jeti APMM Tok Bali di sini, semalam.



MUHD Nur Syam (dua dari kanan) melihat 12 kru wanga asing yang ditahan secara berasingan kerana menceroboh perairan negara menerusi Op Kuda Laut di Ibu Pejabat APMM Tok Bali, semalam.

Muhd Nur Syam berkata, semua kru dan tekong yang ditahan tidak mempunyai dokumen pengenalan yang sah.

Katanya, rampasan kedua-dua bot vesel bersama minyak diesel dan 100kg gamat dianggarkan bernilai RM1.6 juta.

"Tidak seperti bot lain, kali ini bot nelayan asing seolah-olah 'menyerah diri' kerana tiada pergelutan atau tindakan melarikan diri, kita

hanya ambil masa 30 minit untuk menggeledah kawasan bot.

"Ini berkemungkinan mereka tidak mempunyai be-

Pencuri gamat

APMM tahan 12 kru serta dua kapal disyaki dari Thailand dan Vietnam



Bot nelayan asing seolah-olah 'menyerah diri' kerana tiada pergelutan atau tindakan melarikan diri"

Muhd Nur Syam

kalan diesel seperti bot lain dan kita tengah siasat sekiranya mereka ini menjadi feeder yang menyalurkan diesel kepada bot nelayan asing lain dan aktiviti ini dilakukan di laut," katanya.

Beliau berkata, semua tahanan didakwa mengikut Akta Imigresen 1959/1963, Seksyen (6)(1)(c) yang membawa denda RM10,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali serta boleh dikenakan sebat tidak lebih enam kali jika sabit kesalahan.

Katanya, bagi kapal tangki, kes disiasat mengikut Seksyen 361(1) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

"Sementara, bot nelayan asing disiasat mengikut Seksyen (15)(1)(a) Akta Perikanan 1985 yang membawa hukuman denda RM6 juta kepada tekong kru kerana menceroboh perairan negara," katanya.

Pahang bakal pengeluar susu kerbau terbesar

Jerantut: Pahang akan menjadi pengeluar susu kerbau terbesar di negara ini apabila kawasan seluas 280 hektar di Bukit Kajang, Raub akan dijadikan pusat ternakan perintis sebelum dikembangkan di daerah lain.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi Negeri Pahang, Datuk Seri Mohd Soffi Abd Razak berkata, projek bersepadu itu akan menghasilkan susu kerbau untuk dijadikan sumber utama produk keju Mozzarella.

"Kerajaan negeri memperuntukkan kawasan seluas 400 hektar untuk menjalankan projek ternakan secara bersepadu yang mana 280 hektar akan digunakan

untuk memelihara kerbau bagi menghasilkan susu manakala bakinya untuk memperkasa kualiti ternakan.

"Kerajaan negeri dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sedang membangunkan baka kerbau terbaik dari seluruh dunia untuk dikacaukan dengan kerbau tempatan melalui teknik peranakan berhadapan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Sidang Penternakan Ruminan Daerah Jerantut di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah JPV Pahang, Dr Kamaliah Ghazali dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Taban, Mohd Zakhwan Ahmad Badarddin.



MOHD Soffi (dua dari kiri) pada Majlis Sidang Penternakan Ruminan Daerah Jerantut, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/3/2021	BERNAMA	ONLINE	

DVS PERLU PASTIKAN TELUR AYAM SELAMAT SEBELUM DIEKSPORT - MAFI



BALIK PULAU, 21 Mac -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mahu Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengambil langkah segera bagi memastikan telur ayam yang diekспорт adalah selamat dan tidak dicemari bakteria Salmonella Enteritidis (SE).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata langkah itu penting agar pemantauan dan pembedahan dapat dilakukan segera dan tidak menimbulkan masalah di negara pengimport.

"DVS kena kenal pasti telur ayam yang selamat supaya bila dihantar ke Singapura tidak timbul masalah ia tidak selamat atau mengandungi bakteria SE...Sepatutnya kita kena kesan dulu sebelum diekспорт ke sana (Singapura)," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Seri Pulau, di sini hari ini.

Menurutnya, MAFI juga masih menunggu laporan penuh daripada DVS mengenai isu telur ayam tercemar bakteria SE yang datangnya dari ladang ayam di negara dan telah dikesan di Singapura.

Semalam, Agensi Makanan Singapura (SFA) mengarahkan untuk menarik balik telur ayam yang mempunyai cetakan kod 'CEM014, diimport dari sebuah lagi ladang di Malaysia setelah mengesan kehadiran bakteria SE.

SFA dilaporkan berkata pihaknya telah mengarahkan empat pengimport untuk menarik balik produk tersebut sebagai langkah berjaga-jaga, memandangkan bakteria SE boleh menyebabkan penyakit bawaan jika telur berkenaan dimakan mentah atau tidak dimasak dengan betul.

Dalam isu berasingan, Che Abdullah berkata pada tahun ini, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM35.6 juta kepada 212 Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di seluruh negara dalam usaha membantu melaksanakan projek perusahaan kecil dan melahirkan lebih ramai usahawan peladang dalam kalangan 900,000 ahlinya.

"MAFI melalui LPP bersedia membantu dari segi aspek peruntukan pembangunan projek dan menjadi penyelaras bagi memastikan ahli bergerak lebih progresif dan dapat menambah pendapatan di samping meningkatkan ekonomi serta memastikan bekalan makanan dalam negara mencukupi," katanya.

Dalam pada itu, katanya MAFI juga bersetuju dengan cadangan LPP Pulau Pinang untuk menjadikan PPK Seri Pulau sebagai agro edutourism kerana terletak di lokasi yang strategik dan mampu menarik pelancong bagi melihat sendiri projek pertanian di negeri ini.

PPK Seri Pulau mempunyai pebagai projek pertanian seperti penanaman cendawan, sayur konvensional dan akuaponik membabitkan peruntukan RM812,010 dengan melibatkan 20 usahawan peladang dan berpotensi untuk terus dimajukan.

- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/3/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

'DVS perlu pastikan telur ayam selamat sebelum dieksport'



BALIK PULAU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mahu Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengambil langkah segera bagi memastikan telur ayam yang dieksport adalah selamat dan tidak dicemari bakteria *Salmonella Enteritidis* (SE).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi, berkata langkah itu penting supaya pemantauan dan pembetulan dapat dilakukan segera dan tidak menimbulkan masalah di negara pengimport.

"DVS kena kenal pasti telur ayam yang selamat supaya bila dihantar ke Singapura tidak timbul masalah ia tidak selamat atau mengandungi bakteria SE... sepatutnya kita kena kesan dulu sebelum dieksport ke sana (Singapura)," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Seri Pulau, di sini hari ini.

Menurutnya, MAFI juga masih menunggu laporan penuh daripada DVS mengenai isu telur ayam tercemar bakteria SE yang datangnya dari ladang ayam di negara dan dikesan di Singapura.

Semalam, Agensi Makanan Singapura (SFA) mengarahkan untuk menarik balik telur ayam yang mempunyai cetakan kod 'CEM014, diimport dari sebuah lagi ladang di Malaysia setelah mengesan kehadiran bakteria SE.

SFA dilaporkan berkata pihaknya mengarahkan empat pengimport untuk menarik balik produk itu sebagai langkah berjaga-jaga, memandangkan bakteria SE boleh menyebabkan penyakit bawaan jika telur berkenaan dimakan mentah atau tidak dimasak dengan betul.

Dalam isu berasingan, Che Abdullah berkata pada tahun ini, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM35.6 juta kepada 212 Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di seluruh negara dalam usaha membantu melaksanakan projek perusahaan kecil dan melahirkan lebih ramai usahawan peladang dalam kalangan 900,000 ahlinya.

"MAFI melalui LPP bersedia membantu dari segi aspek peruntukan pembangunan projek dan menjadi penyelaras bagi memastikan ahli bergerak lebih progresif dan dapat menambah pendapatan di samping meningkatkan ekonomi serta memastikan bekalan makanan dalam negara mencukupi," katanya.

Dalam pada itu, katanya MAFI juga bersetuju dengan cadangan LPP Pulau Pinang untuk menjadikan PPK Seri Pulau sebagai agro edutourism kerana terletak di lokasi yang strategik dan mampu menarik pelancong bagi melihat sendiri projek pertanian di negeri ini.

PPK Seri Pulau mempunyai pelbagai projek pertanian seperti penanaman cendawan, sayur konvensional dan akuaponik membabitkan peruntukan RM812,010 dengan membabitkan 20 usahawan peladang dan berpotensi untuk terus dimajukan. — BERNAMA

Headline	Deputy Minister: Only export when test yield safety result		
MediaTitle	China Press		
Date	22 Mar 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A17	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	139 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,742
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,226



副部長：檢測確保安全才出口



(檳城21日讯) 大马检疫及检验服务局和农业及食品工业部 (MAFI) 希望, 马来西亚兽医服务局 (DVS) 即刻采取措施, 确保出口的鸡蛋安全及没有感染肠炎沙门氏菌 (SE)。

农业及食品工业部第二副部长拿督仄阿都拉, 这项措施非常重要, 以便该局监督及纠正, 避免进口我国鸡蛋的国家面对问题。

他说, 马来西亚兽医服务局须识别及确保只有“安全”的鸡蛋, 才能输送至新加坡, 以避免出现鸡蛋不安全及被指含有肠炎沙门氏菌。

他今日在浮罗山背出席活动时, 说, MAFI 目前仍等待兽医服务局提呈有关国内鸡农场的鸡蛋出现感染肠炎沙门氏菌, 以及新加坡鉴定我国鸡蛋, 含有肠炎沙门氏菌的完整报告。

Veterinary dept: No salmonella found at egg farm

PUTRAJAYA: The Veterinary Services Department (DVS) is conducting further investigations on the CES008 farm belonging to Lay Hong Bhd following the detection of *Salmonella enteritidis* (SE) on a consignment of eggs exported to Singapore.

DVS said samplings of cloaca smears, faecal smears, egg samples, food and water from the layer farm were taken for SE detection tests at its Salak Tinggi laboratory.

"The results of laboratory tests on the samples did not detect any salmonella bacteria," it said in a statement yesterday.

DVS said it would hold further discussions with the Singapore Food Agency regarding the matter, adding that it had also conducted investigations on and taken samples from the CEM014 farm to test for SE.

"DVS, through the National Animal Disease Control Programme, will enhance the salmonella monitoring programme at all 276 layer farms nationwide to ensure the safety of marketed eggs," it said.

DVS said SE contamination occurred almost all over the world, and that it could happen at the farm due to poor biosecurity and hygiene practices.

It added that contamination could also occur along the marketing chain due to unhygienic handling of eggs.

SE can be destroyed at temperatures above 71°C, and consumers are advised to ensure eggs purchased are free of faecal contamination, stored in a suitable place and cooked properly.

The Agriculture and Food Industries Ministry has called on DVS to take immediate steps to ensure that eggs meant for export are not contaminated by SE.

"The ministry is also waiting for the full report from DVS about the issue of SE-contaminated eggs in Singapore, which were from a poultry farm in this country, including the latest incident on Saturday where a hatch of eggs from another farm here was recalled (by Singapore) after the eggs were found to have been tainted by bacteria," Deputy Agriculture and Food Industries Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi told reporters after a working visit to the Seri Pulau Area Farmers Organisation in Balik Pulau, Penang, yesterday.

Che Abdullah also said the government had allocated RM35.6mil to the Farmers' Organisation Authority this year in a bid to help implement small enterprise projects and empower more farming entrepreneurs from among its 900,000 members nationwide. — Bernama

Telur ayam tiada bakteria salmonela

PUTRAJAYA - Hasil ujian makmal ke atas sampel ladang ayam penelur CES 008 menunjukkan tiada bakteria *salmonella enteritidis* (SE) dikesan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dalam satu kenyataan memaklumkan, perkara tersebut susulan isu pengesanan SE pada konsainan telur eksport oleh pihak berkuasa Agensi Makanan Singapura (SFA Singapura).

"JPV telah menjalankan siasatan lanjut ke atas ladang ayam penelur CES 008 kepunyaan syarikat tersebut.

"Pengambilan sampel calitan kloaka, calitan najis, sampel telur, makanan dan air minuman daripada ladang ayam penelur tersebut telah diambil untuk ujian pengesanan SE di Makmal JPV Salak Tinggi," katanya dalam kenyataan akhbar di sini semalam.

Sehubungan itu, JPV akan mengadakan perbincangan lanjut bersama pihak SFA bagi membincangkan perkara itu.

"JPV juga telah menjalankan siasatan dan pengambilan sampel ke atas ladang CEM 014 untuk ujian pengesanan SE.

"Selain itu, JPV menerusi Program Survelan Penyakit Haiwan Kebangsaan akan mempertingkatkan program pemantauan salmonela di semua 276 ladang ayam penelur di seluruh negara bagi memastikan bekalan dan keselamatan telur yang dipasarkan," katanya.

Mengulas lanjut, pencemaran SE dilaporkan berlaku hampir di seluruh dunia dan boleh terjadi sama ada di peringkat ladang disebabkan amalan penternakan yang kurang baik daripada aspek biosekuriti dan kebersihan ladang.

Sementara itu, di **Pulau Pinang**, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, pihaknya telah meminta JPV untuk memastikan telur ayam yang dieksport ke luar negara perlu selamat daripada sebarang pencemaran bakteria.

Singapura sebelum ini telah mengarahkan empat pengimport untuk menarik balik pasaran telur yang dihasilkan dari sebuah syarikat di Malaysia berikutan penemuan bakteria SE pada produk itu.



BAKTERIA salmonela boleh menyebabkan penyakit sekiranya telur itu dimakan secara mentah dan separuh masak. - GAMBAR HIASAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/3/2021	NST	MUKA DEPAN	1

NEW STRAITS TIMES

PP413/09/2012 (030687) | MARCH 22, 2021 | MONDAY | RM2.00



EGG SAFETY CONCERN

EGG prices drop due to public disquiet over salmonella contamination after Singapore authorities ordered importers to recall eggs from Malaysia. Consumer associations want greater monitoring at farms to allay fears.

REPORTS ON PAGES 2 & 3

PHOTO BY HAZREEN MOHAMAD

NEWS / *Story of the day*

SAFETY MONITORING

CHECK ALL
EGG FARMS,
SAYS FOMCA

Call follows
hypermarket's move
to remove
CEM014 eggs
from shelves

NURADZIMMAH DAIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

CONSUMER groups have urged the authorities to conduct thorough checks on all egg farms to ensure that they adhere to the guidelines and standard operating procedures.

The call was made following reports of Singaporean authorities recalling eggs imported from two farms in the country due to the presence of *Salmonella enteritidis* (SE).

Federation of Malaysian Consumer Associations (Fomca) president Datuk Dr Marimuthu Nadason said the move would help to allay public

fears after hypermarket chain AEON was reported to have recalled eggs bearing the "CEM014" stamp, the second batch flagged by the Singapore Food Agency (SFA).

"I've checked with experts, who told me it's an issue of cleanliness. (Live poultry) can carry *Salmonella* germs in their droppings, which can be transferred to eggs.

"Checks should be conducted on the farms on whether they follow the SOP and ensure that they clean the premises properly."

He said checks should also be carried out on eggs in the market as they could be contaminated during the handling and distribution process.

"While the authorities have confirmed that there were no traces of SE in samples from one of the farms involved in the recall, steps should be taken to ensure that eggs sold here are clean and safe for consumption," he added.

The *New Straits Times* had contacted the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry to find out whether it was planning to conduct such checks soon.



Datuk Dr
Marimuthu
Nadason



The Veterinary Services Department recently conducted inspections and sampling for SE testing on all farms in question to ensure that the eggs produced there were SE-free.

It visited Lay Hong's CBS008 farm and CEM014 farm owned by Linggi Agriculture to identify the cause of contamination, trace the source of SE infection and investigate the disease.

It checked the farms' vaccination records, as well as their egg production and disease surveillance programmes.

SFA had directed four importers — An Hong Egg Supplies, Chuan Huat Poultry Farm Pte Ltd, Dasoon Pte Ltd and FE Supply Pte Ltd — to recall the eggs as a precautionary measure.

Market prices of eggs had dropped as demand plummeted over consumer fears.

Implicated product

Farm code: CEM014

Best before: All Batches

Country of origin: Malaysia



A picture from the Singapore Food Agency's Facebook page showing the CEM014 egg that has been recalled following fears of *Salmonella enteritidis* contamination. PIC FROM SFA FACEBOOK PAGE



An employee arranging eggs at a wholesaler in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY HAZREEN MOHAMAD



Some consumers are making it a practice to wash eggs before cooking and avoid eating half-boiled eggs. FILE PIC

Story of the day / NEWS | 3

No SE bacteria in recalled eggs, says VSD

KUALA LUMPUR: The Veterinary Services Department (VSD) has denied that there is Salmonella enteritidis (SE) bacteria in CES008 eggs, which were recalled by the Singapore Food Agency (SFA) a week ago.

This came after the department conducted investigations and tested swab samples from chicken cloaca, droppings, eggs and feed and water from the affected farms at its Salak Tinggi laboratory.

"Lab tests confirm that there are no traces of SE bacteria in the samples. VSD will carry out further discussions with SFA about the matter," it said yesterday.

VSD was also conducting tests on CEM014 eggs, which were recalled by the Singaporean authority for the same reason.

The department said it would improve its monitoring of

salmonella contamination through the National Animal Disease Surveillance Programme on all 276 farms in the country to ensure a safe supply of eggs.

VSD said SE contamination was common and it could happen at farms due to poor practices in biosecurity and hygiene.

Contamination could also occur along the egg marketing chain due to poor handling, it said.

"Consumers are advised to ensure that the eggs they buy are clean, with no traces of droppings, and kept at a suitable place and cooked well before consuming them. SE can be destroyed at temperatures of more than 71°C," it added.

SFA had recalled CES008 and CEM014 eggs, which were imported from separate farms in Malaysia within a week.



An egg seller selling his products at the Jalan Othman Market in Petaling Jaya yesterday. PIC BY ROHANIS SHUKRI

Food sellers, consumers taking precautions

KUALA LUMPUR: Food sellers and consumers are taking steps to ensure that the eggs they buy are cleansed thoroughly and fully cooked to prevent infection caused by Salmonella enteritidis (SE).

Laksa Boise co-founder Naim Zulkifli, 29, from Damansara here, said these steps were crucial to kill the bacteria on the eggs, which could lead to nausea, vomiting and fever when consumed.

"We will usually first check the expiry date before buying the eggs. Since eggs are our main ingredients, we always wash them and ensure the cleanliness before boiling them.

"Nevertheless, we have not received any inquiry or complaint from our customers regarding the matter."

Some consumers, including retiree NoraIda Haroun, 61, from

Shah Alam, Selangor, said she was steering clear of eggs for the time being.

"We would always make sure that the eggs are fully cooked. So far, we have not experienced any health problem that could be caused by dishes containing eggs that we cooked," she said.

Azizah Abdul Kadir, 63, from Merlimau, Melaka, said she had made it a practice to wash raw eggs before cooking them, either boiled or used in fried dishes.

"There will be no half-boiled eggs for us for the time being," she said.

Malaysia Muslim Consumers Association lead activist Datuk

Nadzim Johan said the authorities should zero in on the egg brands supplied by the farms being investigated.

"Checks should also be conducted on distributors, by checking their delivery orders to find any indication of compromised product seal; for instance.

"If there is any proof of this, immediate steps to control possible contamination should be taken.

"Consumers can check the products before buying them and reporting them (instances of product safety breach) to the authorities."

Nadzim said the association had yet to receive any complaint from the public on the matter.



Datuk Nadzim Johan

Egg prices drop between 2 and 11 sen over SE fears

KUALA LUMPUR: Egg prices across various grades dropped by between two and 11 sen, according to a report received by the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry.

Its deputy minister, Datuk Rosol Wahid, said this was due to the fear of eating eggs due to the presence of the Salmonella enteritidis (SE) bacteria.

Rosol said only two farms had been identified as the source of the contaminated eggs, and both had stopped production.

"When the public does not want to buy eggs, this will cause the price to drop.

"This will give an advantage to consumers. We advice con-

sumers not to be afraid of buying eggs as the supplies are safe and more than sufficient," he told *Berita Harian* yesterday.

Recently, the Singapore Food Agency (SFA) ordered four importers to recall eggs from a company in Jeram, Selangor, after its eggs were found to be contaminated with SE.

Rosol described the case as isolated and would not disrupt local supplies. Malaysia, he said, had 50 poultry farms, but only two — one based in Jeram and another in Linggi, Negri Sembilan — were linked to the recall.

He advised consumers to fully cook the eggs and avoid eating them raw or half cooked.

Harga telur turun 2 hingga 11 sen

Orang ramai tidak perlu bimbang bekalan dijamin selamat dimakan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kebimbangan orang ramai untuk membeli telur susulan isu pencemaran Salmonella Enteritidis (SE), menyebabkan harga bekalan itu turun antara dua hingga 11 sen sebiji mengikut grad dalam pasaran.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata pihaknya menerima laporan keadaan itu berlaku kerana harga telur adalah mengikut pasaran semasa.

"Apabila ramai orang tidak mahu membelinya, maka harga akan turun dan ini memberi kelebihan kepada pengguna.

"Bagaimanapun, kita menasihati pengguna supaya tidak perlu takut untuk membeli telur kerana bekalannya bukan saja selamat,



Orang ramai membeli telur ketika tinjauan di sekitar Pasar Besar Jalan Othman, Petaling Jaya, semalam. (Foto Rohanis Shukri/BH)

malah berlebihan," katanya ketika dihubungi BH, di sini.

Rosol menjelaskan setakat ini, hanya dua syarikat dikesan terabit isu berkenaan dan sudah menghentikan sementara pengeluaran bekalan telur masing-masing

sehingga siasatan selesai dijalankan.

Beliau berkata, ada 50 pengeluaran telur di Malaysia dengan dua saja dikesan terabit isu berkenaan, iaitu di Jeram, Selangor, serta Linggi, Negeri Sembilan.

Katanya, insiden pencemaran telur keluaran syarikat itu adalah kes terpercik, sekali gus tidak mengganggu bekalan tempatan.

Beliau berkata, pengguna dinasihatkan hanya memakan telur dimasak dengan sempurna dan



Kita menasihati pengguna tidak perlu takut untuk membeli telur kerana bekalannya bukan saja selamat, malah berlebihan.

Rosol Wahid, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

mengelakkan pengambilan secara mentah atau kurang masak.

"Bakteria itu akan mati jika telur dimasak dengan sempurna. Oleh itu, elak daripada memakannya secara mentah atau kurang masak," katanya.

Kementerian minta pastikan produk selamat sebelum eksport

Balik Pulau: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mahu Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mengambil langkah segera bagi memastikan telur ayam yang dieksport adalah selamat dan tidak dicemari bakteria Salmonella Enteritidis (SE).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi, berkata langkah itu penting agar pematuan dan perbetulan dapat dilakukan dan tidak menimbulkan masalah di negara pengimport.

"JPV kena kenal pasti telur ayam yang selamat supaya bila dihantar ke Singapura tidak timbul masalah ia tidak selamat atau mengandungi bakteria SE, sepatutnya kita kena kesan dulu sebelum dieksport," katanya selepas lawatan kerja di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Seri Pulau, di sini, semalam.

Che Abdullah berkata, MAFI juga masih menunggu laporan penuh daripada JPV mengenai isu telur ayam tercemar bakteria SE yang datang dari ladang ayam di negara dan dikesan di Singapura.

'Tiada bakteria Salmonella di ladang ayam Jeram'

Kuala Lumpur: Ujian makmal Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) tidak mengesan bakteria Salmonella Snteritidis (SE) dalam sampel yang diambil dari ladang ayam penelur di Jeram, Selangor yang bekalannya diarah tarik balik oleh Singapura.

JPV menerusi kenyataannya semalam, berkata sampel yang diuji dalam siasatan makmal itu terdiri daripada calitan najis dan kloaka, sampel telur, makanan dan air minuman.

"Susulan keputusan terabit, JPV akan mengadakan perbincangan lanjut bersama pihak Agensi Makanan Singapura (SFA) bagi membincangkan perkara berkenaan.

"Selain itu, JPV sedang menjalankan siasatan dan pengambilan sampel ke atas ladang di Linggi bagi ujian pengesanan SE susulan tindakan terbaru oleh SFA," katanya.

Kelmarin, SFA mengarahkan beberapa pengimport menarik balik telur dari Linggi Agriculture di Malaysia, selepas mengesan ada SE dalam produk terabit.

Pengguna dinasihat memastikan telur dibeli adalah bersih, tiada pencemaran najis, disimpan di tempat yang sesuai dan dimasak dengan sempurna sebelum dimakan kerana SE boleh musnah pada suhu melebihi 71 darjah Celsius.

Kenyataan Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Portal berita CNA melaporkan, ini kali kedua dalam masa seminggu SFA menarik balik telur dari ladang di Malaysia kerana pencemaran SE.



Laporan BH 15 Mac lalu

Pada 12 Mac lalu, SFA mengarahkan penarikan balik telur keluaran sebuah ladang ayam penelur milik Lay Hong Berhad Layer Farm Jeram.

JPV berkata, jabatan itu akan mempertingkatkan pemantauan SE dalam Program Survelan Penyakit Halwan Kebangsaan terhadap 276 ladang ayam penelur di seluruh negara bagi memastikan bekalan dan keselamatan telur yang dipasarkan.

"Pencemaran SE dilaporkan berlaku hampir seluruh dunia. "Pencemaran SE boleh terjadi sama ada pada peringkat ladang

disebabkan amalan penternakan kurang baik dari aspek biosekuriti dan kebersihan ladang.

"Selain itu, pencemaran juga boleh berlaku di sepanjang rantaian pemasaran telur disebabkan pengendalian telur yang kurang bersih," katanya.

JPV berkata, susulan itu, pengguna dinasihatkan supaya memastikan telur dibeli adalah bersih, tiada pencemaran najis, disimpan di tempat yang sesuai dan dimasak dengan sempurna sebelum dimakan kerana SE boleh musnah pada suhu melebihi 71 darjah Celsius.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/3/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

Tiada bakteria SE di ladang telur CES 008

PUTRAJAYA - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mendapati tiada bakteria *Salmonella enteritidis* (SE) dikesan pada konsainan telur di ladang penelur CES 008 kepunyaan Lay Hong Bhd.

DVS dalam kenyataan memaklumkan bahawa siasatan lanjut dijalankan susulan isu pengesanan SE pada konsainan telur eksport oleh Agensi Makanan Singapura (SFA).

Menurut DVS, sampel calitan kloaka, calitan najis, sampel telur, makanan dan air minuman dari ladang ayam penelur tersebut telah diambil untuk ujian pengesanan SE di makmal DVS Salak Tinggi.

“Hasil ujian makmal ke atas sampel menunjukkan tiada bakteria *Salmonella* dikesan.

“Sehubungan itu, DVS akan mengadakan perbincangan lanjut bersama pihak SFA berhubung perkara tersebut,” menurut kenyataan itu pada Ahad.

Selain itu, DVS memaklumkan pihaknya turut menjalankan siasatan dan pengambilan sampel ke atas ladang CEM 014 untuk ujian pengesanan SE.

DVS memaklumkan menerusi Program Survelan Penyakit Haiwan Kebangsaan, pihaknya akan mempertingkatkan program pemantauan *Salmonella* di semua 276 ladang ayam penelur di seluruh negara bagi memastikan bekalan dan keselamatan telur yang dipasarkan.

Pencemaran SE dilaporkan berlaku hampir di seluruh dunia. Ia boleh terjadi sama ada di peringkat ladang disebabkan amalan penternakan yang kurang baik dari aspek biosekuriti dan kebersihan ladang selain pencemaran di sepanjang rangkaian pemasaran telur disebabkan pengendalian telur kurang bersih.

Justeru, DVS menasihati pengguna agar memastikan telur dibeli adalah bersih, tiada pencemaran najis, disimpan di tempat sesuai dan dimasak sempurna sebelum dimakan kerana SE boleh musnah pada suhu melebihi 71 darjah Celcius. - *Bernama*

Nafas bekal benih padi berkualiti



Benih padi sah dapat meningkatkan kadar pengeluaran beras negara dan hasil pendapatan pesawah secara keseluruhannya.

IBPS bantu banteras pelbagai isu dan selesaikan masalah dialami pesawah

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

TANJONG KARANG

Pelantikan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) sebagai pemborong tunggal dalam program Insentif Benih Padi Sah (IBPS) bukan sahaja mampu membekalkan benih lebih berkualiti dan bermutu tinggi malah dapat mengurangkan risiko rintang penyakit dan risiko padi angin.

Pengarah Kawasan Pembangunan Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor, Rozaidi Abdul Rahman berkata, pengedaran benih padi sah itu sekali gus mampu meningkatkan kadar pengeluaran beras negara dan hasil pendapatan pesawah secara keseluruhannya.

"Kita yakin benih padi sah yang dibekalkan Nafas ini dapat menambahkan hasil pengeluaran padi dan pendapatan secara konsisten pada masa depan," katanya kepada *Sinar Harian* dalam wawancara khas di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tanjong Karang di sini pada Jumaat.

Rozaidi berkata, selain itu, inisiatif IBPS juga mampu mengatasi pelbagai isu dan permasalahan yang dialami oleh pesawah sebelum ini.

"Mekanisme ini sekali gus dapat memastikan pesawah mendapat bekalan padi sah dan memenuhi per-

mintaan pasaran serta menghapuskan pembelian benih padi secara haram," katanya.

Menurut Rozaidi, penggunaan benih padi sah adalah amalan pertanian yang baik bagi memastikan pengeluaran padi daripada sumber benih berkualiti, menjamin ketulenan varieti serta mengurangkan populasi padi angin.

Katanya, pelaksanaan IBPS di Selangor amat bersesuaian kerana ia dapat meningkatkan keutamaan IADA bagi pelaksanaan 'satu blok, satu varieti' sekali gus menyelesaikan masalah kawalan benih padi.

"Di Selangor sebelum ini misalnya, kita ada kira-kira 15 varieti, tetapi dengan program benih padi sah dibekalkan Nafas kita telah hadkan kepada enam varieti padi sahaja iaitu MR 297, MR219, MR269, MR303 dan MR307.

"Dengan adanya enam varieti ini, kita berharap pesawah dapat mematuhi jadual air ditanamkan bagi meningkatkan hasil pengeluaran," katanya.

Beliau juga berharap program IBPS yang dikendalikan Nafas itu dapat dipertingkatkan pada masa akan datang.

"IADA sedang mengemas kini proses penanaman dan kita menggalakan ketua-ketua blok menyertai program

'satu blok, satu varieti'. Dengan ini kita berharap dapat menyelesaikan masalah kualiti padi dan mengurangkan potongan hasil di peringkat pengilang," katanya.

Sehingga kini katanya, kawasan padi di IADA Barat Laut Selangor seluas 18, 784 hektar membabitkan seramai 9,754 pesawah dengan purata hasil pengeluaran sebanyak 174, 433 tan metrik.

Komitment

Dalam pada itu, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah (AJP) PPK Tanjong Karang, Mohd Ruzi Abu Hassan berterima kasih kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang melantik Nafas sebagai pemborong tunggal dalam IBPS, seterusnya mengagihkan kepada PPK seluruh negara.

"PPK Tanjong Karang turut memainkan peranan dalam inisiatif itu bagi mengagihkan dan membekalkan benih padi sah kepada pesawah di kawasan terbabit," katanya.

Beliau berkata, pihaknya komited dalam memastikan benih padi sah yang diedarkan berkualiti bagi memastikan bekalan ada dalam pasaran dengan harga ku-



MOHD RUZI

rang RM35 setiap 20 kilogram satu beg.

"Kita tidak akan menjual harga melebihi RM35 satu beg kerana kita mahu memahami di luar sana pelbagai masalah timbul termasuk harga padi yang jauh lebih tinggi.

"Sehubungan itu, kita berharap pesawah di kawasan tanaman sekitar Tanjong Karang tidak bimbang dengan kemampuan PPK dalam memastikan bekalan benih padi sah mencukupi untuk keperluan penanaman padi," katanya.

Mohd Ruzi juga berharap, pengagihan benih padi sah dapat dipertingkatkan pada musim tanaman akan datang.

"Sehingga kini, kita telah mengagihkan lebih 6,280 benih padi sah kepada pesawah di kawasan seluas 5,586 hektar pada musim tanaman lalu," katanya.

Ditanya mengenai stok bekalan benih padi pada masa ini di kawasan Tanjong Karang, Mohd Ruzi berkata, masalah itu hanya dihadapi pada peringkat awal dan berjaya diselesaikan.

"Kerjasama baik antara pihak kerajaan dan Nafas membolehkan kita dapat menyelesaikan masalah ini dengan kadar segera," katanya.

Beliau berkata, pengagihan benih padi akan melalui beberapa peringkat sebelum diserahkan kepada pesawah.

"Benih padi ini akan menggunakan pengangkutan daripada Nafas dan kemudian dihantar kepada PPK Tanjong Karang mengikut tempoh ditetapkan," katanya.



ROZAIDI

Manfaat

Sementara itu, Pengurus Besar PPK Tanjung Karang, Hashim Abdul Hamid berkata, pihaknya komited memastikan benih padi sah yang diterima pesawah dipertingkatkan pada musim tanaman akan datang.

"Insya-ALLAH pada musim kedua, kita akan menambah lagi untuk pengalihan benih padi sah yang lebih baik," katanya.

Beliau berkeyakinan pengedaran benih sah itu memberi manfaat kepada kira-kira 2,600 pesawah di kawasan Tanjung Karang.

Hashim berkata, terdapat dua kaedah digunakan bagi pengedaran benih padi iaitu kepada ladang benih dan pesawah secara terus.

Menurut beliau, pengedaran benih padi sah itu secara tidak langsung dapat menangani pelbagai isu membabitkan pesawah pada sebelum ini.

"Kita sedang menambah baik cara rantaian pengedaran kepada pesawah dan syarikat yang menggunakan sistem calit tapak samaian secara komprehensif," katanya.

Beliau berkata, PPK Tanjung Karang mempunyai gudang dan dua pukal bagi penyimpanan padi sah.

"Bagi pengedaran padi biasa kepada pesawah, kita membuat pesanan kepada Nafas dan seterusnya membuat penghantaran di kawasan PPK Tanjung Karang.

"Pada waktu pengedaran, kita akan minta pesawah sama ada berada di premis kami atau pun mengambilnya dalam tempoh yang telah ditetapkan," katanya.

Hashim berkata, pengedaran padi sebelum ini dilakukan melalui 'orang tengah' selain berdepan manipulasi benih padi sah dan harga di lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak di pintu kilang.

"Penstrukturan semula ini membolehkan Nafas melalui PPK menguruskan rantaian ini dengan lebih baik bagi menetapkan penghantaran dan juga pengambilan benih padi terbabit.

"Dengan cara ini, pesawah dapat memperoleh benih padi sah terus sampai ke sawah mereka tepat pada waktunya," katanya.

Mengulas mengenai sambutan dalam kalangan pesawah menerusi inisiatif IBPS itu, Hashim berkata, setakat ini sambutan diterima sangat baik.

"Walaupun ada rungutan tertentu, tetapi apabila penghantaran bekalan benih itu berkualiti, masalah ini tidak



HASHIM



MOHAMAD MOHASSIM



MOHD YAZID

timbul dan paling penting PPK bertanggungjawab untuk menentukan kualiti padi sah.

"Pengeluar benih dan Nafas juga sentiasa bersama PPK turun padang untuk melihat prestasi kesuburan benih padi sah ini," katanya.

Hashim berkata, benih padi sah yang dikeluarkan itu mampu menentukan 70 peratus kejayaan hasil pengeluaran padi.

"Kita berharap pada musim depan, kita akan tambah baik lagi supaya pengeluaran hasil lebih efisien dan meningkat," katanya.

Keuntungan

Rata-rata pesawah amat berpuas hati dengan pelantikan Nafas sebagai pemborong tunggal bagi mengendalikan pengalihan benih padi sah.

Seorang pesawah, Mohamad Mohassim Mohd Ali, 61, berkata, penetapan harga itu dianggap menguntungkan pesawah.

"Sebelum ini pesawah terpaksa membeli benih padi pada harga jauh lebih tinggi sehingga RM70 setiap 20kg beg," katanya.

Beliau yang mengusahakan sawah seluas 12 hektar turut merasai kesan akibat manipulasi harga benih daripada pihak pengilang.

"Saya menganggap harga benih padi RM35 setiap 20kg pada tahap rendah dan menguntungkan pesawah yang kini berdepan pelbagai masalah



Penggunaan benih padi sah adalah amalan pertanian yang baik bagi memastikan pengeluaran padi daripada sumber benih berkualiti, menjamin ketahanan varieti serta mengurangkan populasi padi anjing.

terutama hasil pengeluaran yang semakin menurun," katanya.

Pesawah muda, Mohd Yazid Basir, 35, pula menyifatkan harga benih padi sah ditawarkan Nafas itu amat berpatutan dan lebih berkualiti.

Mohd Yazid yang mengusahakan sawah seluas 1.2 hektar berkata, pengalihan benih padi sah juga secara tidak langsung dapat menarik minat golongan muda untuk mence-

buru sektor pertanian itu.

"Jika sebelum ini, harga benih padi berubah-ubah tetapi dengan mekanisme penetapan harga ini kami dapat meningkatkan lagi hasil pengeluaran.

"Saya yakin Nafas mampu memainkan peranan besar dalam memastikan industri padi negara dapat berkembang sekali gus memenuhi permintaan pasaran," katanya.



Rata-rata pesawah amat berpuas pelantikan Nafas sebagai pemborong tunggal bagi mengendalikan pengalihan benih padi sah.

Mukmin Pay, KOFAMA jalin kerjasama

Buka peluang kepada usahawan menggunakan pemasaran mudah alih

KUALA LUMPUR

Mukmin Pay Sdn. Bhd. dan Koperasi FAMA Berhad (KOFAMA) memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi pelaksanaan pendigitalan pasaran dan semua perusahaan di bawah kelolaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Kerjasama tersebut adalah langkah strategik bagi memperluas dan membuka peluang kepada usahawan menggunakan pemasaran mudah alih.

Mukmin Pay dalam satu kenyataan memberitahu, usaha sama tersebut juga adalah untuk menyahut seruan kerajaan ke arah pendigitalisasi perniagaan melalui kaedah tanpa tunai sebagai satu daripada inisiatif norma baharu.

Kata kenyataan itu, program

tersebut menyasarkan untuk membantu usahawan di bawah kelolaan FAMA yang terjejas berikutan situasi pandemik dengan meningkatkan kadar jualan melalui aplikasi Mukmin Mart serta mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

Syarikat itu memaklumkan, jalinan strategik itu juga adalah salah satu inisiatif Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) sebagai badan apeks gerakan koperasi untuk membantu dan membimbing koperasi FAMA dan semua koperasi usahawan pasaran seluruh negara memulihkan aktiviti perniagaan.

"Bank Muamalat selaku rakan strategik Mukmin Pay turut memberi sokongan penuh dengan menawarkan perkhidmatan pembukaan akaun baharu dan perbankan internet kepada semua usahawan FAMA bagi memudahkan pengurusan rekod transaksi melibatkan penjualan dan pembelian.

"Rekod transaksi ini akan memudahkan usahawan untuk menerima bantuan, insentif atau pinjaman perniagaan," kata kenyataan itu.

Memorandum berkenaan



Majlis menandatangani MoU antara Mukmin Pay diwakili Mohd. Yusni (depan dua dari kanan) dan Mansor (depan dua dari kiri) sambil disaksikan Abdi Fattah (kanan sekali) dan Mohamad Mustahapa (kiri sekali).

ditandatangani Pengerusi KOFAMA, Mansor Omar dan Ketua Pegawai Eksekutif Mukmin Pay, Mohd. Yusni Ismail sambil disaksikan Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah serta Timbalan Ketua Pengarah Operasi Fama, Mohamad Mustahapa Awang.

Mukmin Pay merupakan anak syarikat di bawah Angkasa Mukmin iaitu syarikat rakan niaga strategik Angkasa selama lima tahun sejak 2016.

Syarikat berkenaan telah mewujudkan aplikasi pasaran penghantaran makanan mudah alih iaitu Mukmin Mart bagi mempelbagaikan perkhidmatan dan perniagaan menerusi penyelesaian digital.

Fokus utama Mukmin Mart ialah untuk meningkatkan kualiti produk terutama buatan muslim yang dipasarkan di pasaran tani dan Myfarm menerusi pembelian secara dalam talian.

Pengguna juga boleh meng-

gunakan aplikasi Mukmin Mart untuk membuat pembayaran menggunakan e-dompet dengan hanya mengimbas kod QR yang tersedia di pasar tani.

Pada masa sama, Mukmin Mart turut menawarkan perkhidmatan prapesanan di mana pengguna boleh membuat pesanan sebelum pasar tani dibuka selain kemudahan pembelian dan ambil bagi penjumlahan kos penghantaran di pasar tani seluruh negara.

Usahawan bakeri tambah cawangan outlet, manfaat bantuan kerajaan

KUALA TERENGGANU - Kemerotan ekonomi disebabkan pandemik Covid-19 menyasarkan banyak syarikat perniagaan terpaksa 'gulung tikar' dan memberhentikan pekerja, namun bertalian dengan seorang usahawan wanita di Terengganu yang mengambil langkah berani untuk membuka satu lagi cawangan bakeri.

Pengarah Urusan Ziq Bakery & Cake Sdn Bhd, Suzana Salleh berkata, beliau membuka cawangan terbaharu di Gong Badak, Kuala Nerus itu pada Oktober tahun lepas dan setakat ini berjaya menyediakan sebanyak 16 peluang pekerjaan kepada anak muda tempatan.

"Keputusan untuk membuka cawangan baharu dengan modal sebanyak RM500,000 ini bukannya mudah, namun saya yakin industri pembuatan kek, roti dan pastri mampu berkembang jauh tambahan pula kesedaran masyarakat untuk mendapatkan produk yang halal dan thoyyiban semakin meningkat.



Suzana menunjukkan produk kek, roti dan pastri yang mampu milik ketika ditemui di kedai.

"Pandemik Covid-19 memang beri impak yang agak teruk terhadap ekonomi, namun memberi hikmah kepada usahawan untuk lebih kreatif, berani menukar model perniagaan yang lebih sesuai dengan keadaan semasa dan mencuba strategi baharu untuk kekal bertahan sekali gus menyelamatkan nasib pekerja syarikat," katanya pada

Ahad.

Berkonsepkkan bakeri kafe premium yang pertama di Terengganu, cawangan baharu itu juga menyediakan ruang makan minum yang luas serta pelbagai produk kek, roti dan pastri citarasa antarabangsa hasil pengalaman Suzana mengikuti kursus yang dianjurkan oleh beberapa cef di luar negara anta-

ranya Rusia, Jepun, Korea, Itali, Amerika Syarikat dan United Kingdom.

Mengakui jualan syarikat terjejas teruk hingga merosot lebih 80 peratus sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 dan 2.0 baru-baru ini, Suzana berkata, syarikat mengambil pendekatan untuk mempelbagaikan produk jualan dan kaedah.

"Kami menghasilkan lebih banyak produk kek, roti dan pastri yang mampu milik serta menyediakan servis penghantaran ke rumah untuk memudahkan pelanggan.

"Penggunaan media sosial seperti Facebook, WhatsApp dan Instagram dimanfaatkan sepenuhnya untuk membuat siaran langsung pembuatan kek dan roti demi menambah keyakinan pelanggan sekali gus mengiklankan kelebihan premis kami dalam aspek kebersihan makanan serta status halal produk daripada Jakim," katanya yang mempunyai 60 pekerja.

Sebagai usahawan bumiputera, Suzana bersyukur dengan semua bantuan kerajaan yang pernah diterimanya sebelum ini daripada pelbagai agensi seperti SME Corporation Sdn Bhd, Majlis Amanah Rakyat, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia.

"Macam-macam bantuan dan geran saya pernah terima untuk pembelian mesin berteknologi tinggi, membantu aliran tunai dan modal pusingan syarikat serta bimbingan dari segi promosi dalam dan luar negara terutama ketika mula-mula bertapak dalam perniagaan pada tahun 2006.

"Bantuan inilah 'iyawa kedua' syarikat untuk kekal bertahan ketika perniagaan merudum teruk akibat pandemik Covid-19 ketika itu," katanya yang pernah mempunyai tujuh cawangan bakeri di empat daerah sebelum ini. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/3/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Program IBPS kawal kualiti padi – IADA



Petani Mohd Yazid Basir, 35, melihat keadaan padinya hasil edaran Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) menerusi program Insentif Benih Padi Sah (IBPS). - Foto BERNAMA

TANJONG KARANG: Program pengedaran Insentif Benih Padi Sah (IBPS) oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) memberi faedah kawalan kualiti padi serta membolehkan pesawah memperoleh benih yang sah, menurut agensi Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor.

IBPS adalah satu daripada program subsidi dan insentif yang diuruskan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi membantu golongan sasaran dalam sektor padi dan beras iaitu pesawah.

Pengarah IADA Barat Laut, Rozaidi Abdul Rahman, berkata tindakan MAFI memilih NAFAS sebagai pemborong tunggal adalah langkah yang munasabah kerana ia mampu mengawal kualiti benih padi.

Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor Rozaidi Abdul Rahman ketika ditemubual pemberita pada program Insentif Benih Padi Sah (IBPS). - Foto BERNAMA



"Dengan adanya IBPS, benih padi yang tidak sah dapat dikurangkan dan akhirnya dapat dihapuskan. Apabila kualiti dapat dijaga, insya-Allah kita akan dapat hasil yang lebih baik, sekiranya benih padi tidak tumbuh, NAFAS akan membuat pertukaran dengan segera kepada pesawah," katanya.

Pada November tahun lalu, MAFI melantik NAFAS sebagai pemborong tunggal di bawah program IBPS untuk membuat pembekalan terus kepada pesawah dan diberi amanah untuk mengendalikan pengagihan benih padi sah memandangkan ia mempunyai kecekapan rantaian pengedaran menerusi 145 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Semenanjung.

Sementara itu, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPK Tanjung Karang, Mohd Ruzi Abu Hassan, berkata pelantikan NAFAS sebagai pemborong tunggal benih padi negara dapat membantu petani memperoleh subsidi dan insentif bersasar serta dapat menurunkan harga benih padi hingga dua kali ganda.

Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah (AJP) Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tanjung Karang, Mohd Ruzi Abu Hassan. - Foto BERNAMA



Pengurus Besar PPK Tanjung Karang, Hashim Abdul Hamid, berkata mereka diberi tanggungjawab mengedarkan benih padi sah membabitkan lebih 2,600 pesawah bagi keluasan 5,800 hektar dan melalui program itu, pihaknya dapat mengatasi isu-isu yang timbul sebelum ini.

Hashim berkata, PPK juga cuba memendekkan rangkaian berbanding sebelum ini yang menggunakan orang tengah, dengan berurusan terus kepada petani, ketua blok dan ketua kelompok, dengan cara ini pesawah akan dapat benih padi terus ke rumah atau sawah tepat pada masanya.

Kebanyakan pesawah juga menerima program itu dengan tangan terbuka dan berharap tuaian padi akan berlipat kali ganda susulan kualiti benih yang lebih baik serta harga lebih terkawal berbanding sebelum ini mereka terpaksa membeli benih padi daripada pengilang ataupun

orang tengah.

Mohamad Mohassim Mohd Ali, 61, yang mempunyai sawah berkeluasan 30 hektar di sini berkata dengan mendapat benih padi yang lebih berkualiti di bawah program IBPS itu, beliau berharap penanaman untuk musim ini lebih berjaya.

"Kini, pesawah tidak ada masalah sebab benih itu cepat (sampai), dan pilihlah varieti yang terbaik, varieti yang ditawarkan bagus dan cantik, dan pesawah tidak ada masalah untuk menanam bagi musim akan datang ini," katanya.

Bagi anak muda Mohd Yazid Basir, 35, beliau optimis dengan peningkatan tuaian pada masa hadapan mampu menjangkau lebih daripada tujuh hingga lapan tan yang dinikmatinya sekarang di tanah kepunyaannya seluas 1.2 hektar.

"Saya wakil petani muda kawasan sawah sempadan ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak NAFAS yang membekalkan benih padi. Benih padi yang dahulu mahal sekarang murah dan mampu dibeli, harganya berpatutan.

"Walaupun saya membawa varieti padi yang lambat masak, setakat ini alhamdulillah boleh mengawal semua penyakit dan segala peruntukan seperti baja yang NAFAS turunkan menepati masa dan lancar," katanya. – BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/3/2021	SINAR HARIAN	NEGERI TERENGGANU/ KELANTAN	26

Pesta timba ikan gamit nostalgia



Pesta menimba ikan darat di bendang Tok Ajam, Seling pada Sabtu.

Aktiviti sinonim dengan rakyat Kelantan setiap kali musim kemarau

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

PASIR PUTEH

Pesta menimba ikan darat yang diadakan sempena Hari Ladang Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) peringkat jajahan Pasir Puteh di bendang Tok Ajam di sini pada Sabtu bukan sahaja sambutan penduduk terutama

golongan muda malah menggamit nostalgia silam.

Pesta tersebut bertujuan menghidupkan semula tradisi yang cukup sinonim dengan rakyat Kelantan setiap kali tiba banya musim kemarau.

Selain menangkap ikan, acara tradisi itu turut mengukuhkan lagi semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat menerusi aktiviti bergotong-royong ketika menimba ikan.

Antara ikan yang berjaya ditangkap menerusi aktiviti itu ialah ikan keli, sepat, haruan dan banyak lagi.

Seorang peserta, Mohd Alif Azwan Azmi, 17, berkata, dia cukup teruja dapat mengikuti program tersebut yang disifatkan

sebagai pengalaman baharu buat dirinya.

“Walaupun penat dan kotor namun saya gembira dapat menjayakan program ini bersama rakan-rakan,” katanya.

Menurutnya, sebagai generasi muda dia mahu aktiviti menimba ikan terus disuburkan bagi memastikan ia tidak luput ditelan zaman.

Mohd Alif Azwan berkata, program ini bukan sahaja mengukuhkan hubungan antara penduduk malah dapat memupuk kecintaan terhadap warisan rakyat Kelantan.

Katanya, aktiviti menimba ikan boleh dijadikan sebagai produk pelancongan di negeri itu.



Che Sa'adon didenda RM5,000 selepas didapati bersalah memalsukan dokumen bagi pembelian benih ikan kerapu hibrid di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu pada Ahad.

Bekas pengurus didenda palsu dokumen beli ikan kerapu hibrid

KUALA TERENGGANU - Seorang bekas Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Terengganu (PPNT) dijatuhi hukuman denda RM5,000 atau lima bulan penjara sekiranya gagal membayar denda oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Ahad berhubung pertuduhan memalsukan dokumen membabitkan RM600 untuk pembelian ikan kerapu hibrid.

Hakim Jamaludin Mat menjatuhkan hukuman itu selepas tertuduh, Che Sa'adon Che Yahya, 57, didapati bersalah apabila pihak pendakwa berjaya membuktikan kes

melampaui keraguan munasabah.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa dengan cungranya menggunakan dokumen sebagai tullen iaitu satu resit bertarikh 17 September 2016 bagi pembelian ikan kerapu hibrid berjumlah RM600 yang mana dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen tersebut adalah palsu.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di pejabat PPNT pada September 2016.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

(SPRM), Nurshafini Mustafha manakala tertuduh diwakili peguam, Muhammad Zulfaqar Al-Basysyar Saharrudin.

Pada 7 Februari lalu, tertuduh dijatuhi hukuman penjara 12 bulan dan denda RM10,000 atau enam bulan penjara sekiranya gagal menjelaskan denda berkenaan apabila didapati bersalah memalsukan invois pembaikan kenderaan Toyota Fortuner milik PPNT berjumlah RM1,140 sedangkan pembayaran dibuat untuk kenderaan pelbagai guna (MPV) Toyota Wish miliknya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/3/2021	NST	NEWS IN BRIEF	15

Ex-Farmer's Organisation GM fined RM5,000

KUALA TERENGGANU: A former general manager of the Terengganu Farmers' Organisation (PPNT) was fined RM5,000, in default five months' jail, by the Sessions Court here yesterday for submitting a false claim for RM600. Judge Jamaludin Mat meted out the fine to Che Sa'adon Che Yahya, 57, after finding him guilty of the charge at the end of the defence case. Che Sa'adon was charged with making the claim for the purchase of hybrid grouper fish worth RM600 by using a false receipt, dated Sept 17, 2016, at the PPNT office in September 2016. He was also sentenced to a year's jail and fined RM10,000, in default six months' jail, for submitting another false claim, but was allowed a stay of the sentence pending appeal.

Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/3/2021	KOSMO	NEGARA	16



SYAFIQ memetik timun di kawasan tanaman berdekatan kuarters guru di Felda Kota Gelanggi Dua, Jerantut semalam.

Niat suka-suka jana pendapatan lumayan

JERANTUT – Seorang pemuda tidak menyangka usahanya menanam timun hanya untuk meringankan belanja dapur keluarga kini bertukar menjadi tanaman komersial yang menjana pendapatan lumayan.

Syafiq Ariffin, 34, berkata, pada mulanya tanaman timun diusahakan secara suka-suka di tanah berhampiran kuarters guru Felda Kota Gelanggi Dua adalah untuk menjimatkan perbelanjaan dapur.

“Saya juga tidak perlu ke bandar Jerantut yang agak jauh untuk membeli sayur-sayuran.

“Inilah yang dikatakan reze-ki tidak salah alamat apabila

hampir tiga bulan menjaga tanaman ini yang tidaklah sukar manapun,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Syafiq yang bekerja sebagai Penolong Pegawai Teknologi Maklumat di sebuah sekolah berkata, dia hanya mengeluarkan modal sebanyak RM100 bagi membeli peralatan dan baja bagi memulakan tanaman di kawasan seluas 0.4 hektar.

Tambahnya, dengan dibantu dua rakan, dia mempelbagai-kan tanaman dengan menanam terung dan cili api serta memperbanyakkan lagi tanaman timun yang kini mencecah 500 pokok.

Bekas pengurus besar didenda RM5,000

Balasan buat tuntutan palsu beli kerapu

KUALA TERENGGANU - Bekas Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu (PPNT) didenda RM5,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam kerana mengemukakan dokumen palsu bagi pembelian ikan kerapu hibrid bernilai RM600 pada 2016.

Hakim Jamaludin Mat menjatuhkan hukuman itu terhadap Che Sa'adon Che Yahya, 57, selepas pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah berhubung kes tersebut.

"Walaupun nilai (tuntutan palsu) cuma RM600, tetapi sebagai penjawat awam kita mempunyai peraturan, integriti dan amanah.

"Saya faham sebagai ketua jabatan kadang-kadang perlu mendahulukan perbelanjaan yang tidak dapat dituntut semula, tetapi bukan dengan cara ini," katanya ketika membacakan penghakimannya.

Mengikut pertuduhan, Che Sa'adon didakwa mengemukakan butiran palsu mengenai pembelian 14 ekor ikan kerapu hibrid bernilai RM600.

Kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh di Pejabat PPNT di sini pada September 2016.

Bagi kesalahan itu, Che Sa'adon didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun



CHE SA'ADON (tengah) didenda RM5,000 kerana mengemukakan tuntutan palsu oleh Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu semalam.

atau denda atau kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Shafini Mustafha, manakala tertuduh diwakili peguam, Muhammad Zulfaqar Al-Basyar Sharuddin.

Mahkamah Tinggi di sini pada 7 Februari lalu mengekalkan sabitan ke atas Che Sa'adon yang dijatuhkan hukuman penjara 12 bulan dan denda RM10,000 atas kesalahan mengemukakan invois palsu

berkaitan penukaran alat ganti kenderaan milik PPNT pada September 2016.

Kosmo! pada 27 Februari 2019 melaporkan tertuduh yang kini bertugas di PPN Kelantan turut didakwa atas dua pertuduhan lain iaitu menyalah guna kuasa berhubung pembekalan antaranya induk berbiri bagi projek berbiri Fasa 2 berjumlah RM303,546 di Kampung Pelam, Hulu Terengganu.



CHE Sa'adon didenda RM5,000 kerana memalsukan dokumen membabitkan RM600.

Didenda RM5k tipu beli kerapu hibrid

Kuala Terengganu: Seorang bekas Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu (PPNT) didenda RM5,000 di Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana memalsukan dokumen bagi pembelian ikan kerapu hibrid.

Tertuduh, Che Sa'adon Che Yahya, 57, turut berdepan hukuman penjara lima bulan sekiranya dia gagal menjelaskan denda berkenaan.

Hakim Jamaludin Mat membuat keputusan itu selepas tertuduh didapati bersalah di akhir kes pembelaan apabila pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah bagi pertuduhan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa dengan curangnya menggunakan dokumen sebagai tulen iaitu satu resit bertarikh pada 17 September 2016 bagi pembelian ikan kerapu hibrid bernilai RM600 yang mana dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen itu adalah palsu. Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di pejabat PBNT pada Septem-

ber 2016.

Dia yang didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan (KK) boleh dihukum mengikut Seksyen 465 KK yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Nurshafini Mustafha manakala tertuduh diwakili peguam, Muhammad Zulfaqar Al-Basysyar Saharudin.

Terdahulu, tertuduh pada 7 Februari lalu dijatuh hukuman penjara 12 bulan dan denda RM10,000 atau enam bulan penjara sekiranya gagal menjelaskan denda berkenaan di Mahkamah Sesyen kerana memalsukan invoice.

Tertuduh didapati bersalah memalsukan invoice pembaikan kenderaan pacuan empat roda Toyota Fortuner milik PPNT berjumlah RM1,140, sedangkan pembayaran dibuat untuk kenderaan pelbagai guna Toyota Wish miliknya.

The making of city farmers

Sustainable urban farming is the way of the future, writes **Edwin Kee**

CONSUMERS depend on farmers for their supply of vegetables but these days, with new farming technologies at our fingertips, it's possible to grow our own greens at home.

Urban farming, as it is called, also means fresher and a more sustainable supply.

Sunway FutureX Farm ventured into this niche space and believes it is a workable concept.

HOW IT STARTED

Sunway FutureX Farm, Malaysia's first urban farm innovation hub, was launched in 2020.

It brings together a wide pool of expertise and resources from ecosystem partners to build decentralised urban farms, serving local communities and addressing supply chain challenges from farm to fork.

Eleanor Choong, who is iLabs Ventures head at Sunway FutureX Farm, explained that the initiative consists of four key objectives — nourish, educate, innovate and empower.

"To achieve all these, research and development is carried out constantly to increase yield without sacrificing quality.

We educate the community through workshops to empower them to permeate similar change no matter where they are, be it now or in the future," she said.

Claiming to offer fresh, clean and tasty vegetables harvested the same day that people need them, FutureX Farm follows the farm-to-table concept.

WHAT DRIVES FUTUREX FARM?

A couple of years ago, Sunway realised that there were plenty of under-utilised spaces around its university in Bandar Sunway.

"Couple that with broken supply chains and this idea began to take root. Why not maximise the use of these spaces to do something productive like growing vegetables?" said Choong.

The Covid-19 pandemic, she said, blindsided many people and left no one unscathed.

"Remember the panic buying that occurred at supermarkets last year during the first Movement Control Order? Shelves were empty as everyone prepared for the worst. The ban on inter-state travel also resulted in the main vegetable suppliers in Peninsular Malaysia — Cameron Highlands — to dispose of their products, resulting in tonnes of wasted food.

"It reinforced Sunway FutureX Farm's belief that having farms closer to homes is a far better solution.

"Not only do you reduce costs in terms of transportation, refrigeration and the middleman, your vegetables too will be fresher. Our vision is that a FutureX Farm should be no more than 5km from our Sun-



Sunway FutureX Farm is an urban farm innovation hub.



Urban farming ensures that we get fresher and a more sustainable supply of vegetables.

way community," she explained.

For the initiative, a survey was first carried out. It was found that many consumers lived in apartments and high-rise buildings where space was a premium.

"The lack of farming know-how was another obstacle, even those with green fingers discovered that small farm kits were not enough to sustain a household's vegetable needs," she said.

ENTER THE GROWNER MODEL

In addressing the issues, a Growner model was established. It focuses on two aspects — Grow and Own.

This model provides several advantages, including a fixed price for one's monthly vegetable consumption, with changing varieties depending on harvest and season.

"Our same-day harvest policy ensures that the vegetables are fresh. While we are unable to obtain organic certification in Malaysia for our produce due to it being grown in an urban farm, you can be sure crops are fresh and free from pesticides and herbicides," said Choong.

FutureX Farm offers numerous varie-



Eleanor Choong

ties of greens, ranging from kale to other Asian greens, herbs and microgreens.

"Vegetables are available weekly. So far, our trial phase has seen a reasonable degree of success. We hope to replicate this across other Sunway communities throughout Malaysia before working with outside communities," she said.

TURN TO PAGE 24



Welcome to FutureX Farm.



A researcher inspecting the vegetables.



FutureX Farm offers a variety of greens, ranging from kale to Asian greens, herbs and microgreens.



Fresh vegetables packed in paper bags.

Data mining in managing farm

FROM PAGE 23

FutureX Farm is also looking at launching an online platform to allow Growners to choose the crops they prefer. At the moment, there are still elements of uncertainty as to which vegetables are available every week.

"Through the upcoming online platform, you can also view your crops through a CCTV system," she added.

To ensure that its carbon footprint is further reduced, a zero-single-use plastic policy is implemented. Only paper bags are used.

"While we recommend you pick up your vegetables at the appointed time, we also offer chargeable delivery services," said Choong, stressing that FutureX Farm is not another vegetable subscription service.

THE REAL VALUE

According to Choong, the work at FutureX Farm revolves around technology and innovation.

"There is data gathered, both upstream (farm) and downstream (consumers). Such big data allows us to predict changes and makes managing the farm-to-table process easier. Data also helps in the growing of the plants as it will be in a more efficient and optimised manner," she said.

"We hope to offer food safety, security, predictability and traceability through this effort.

"There is also a Facebook group for Growners, where participants share their experience, tips and tricks for improvement.

"We want people to be invested in food security. Our efforts include conducting workshops where we share our vision and



The same-day harvest policy ensures that the vegetables are fresh.

sell various kits such as window farm kits, hydroponic systems and full waterfall kits to help those who are interested in getting started.

"We also have a programme called Training of Trainers, where university students and graduates will enrol to work at these farms on a voluntary basis. The aim is to pick up the necessary skills to be part of a sustainable supply chain in the future," she said.

THE FUTURE

Right now, FutureX Farm is at a crossroads.

Utilising almost 260 square metres of available farming space, it has more or less achieved maximum capacity, supplying fresh and nutritious vegetables to slightly more than 60 small households on a weekly basis.

MAKING AN IMPACT FROM FARM TO FORK



2021 MARCH NST

"While we continue to seek ways to maximise our unused spaces, we are also looking at working with F&B partners on monthly contracts to get the Growner movement going — not only on Sunway properties but elsewhere as well," said Choong.

Currently, FutureX Farm is working with the Agriculture and Food Industries Ministry to obtain certification for urban farming.

"The MyGap and MyFood certifications require us to be in operation for at least six months before we can apply for them.

"This certification will monitor nitrate levels through regular food nitrate testings

while ensuring that we continue to follow safe agricultural practices, standard operating procedures and safety requirements. With the MyGap certification, we will also be able to export our produce to Singapore.

"While it may look like we are just a small player in the sustainable Earth movement, we strongly believe that change begins with us.

"Hopefully, this will spark a movement of urban farming that will not only increase food security through these turbulent times, but also leave a worthy inheritance for future generations," said Choong.

22/3/2021

HARIAN
METRO

LOKAL

22

Rembau: Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) berharap pihak terbabit dengan projek pembinaan Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP), dekat Port Dickson dapat mengambil kira kepentingan pelbagai pihak sebelum dilaksanakan.

Ini kerana projek bernilai RM15 bilion di Kuala Linggi itu dipercayai menimbulkan kebimbangan pelbagai pihak.

Presiden MNS, Dr Ahmad Ismail berkata, tindakan itu dilihat penting sebagai langkah memastikan projek berkenaan tidak mengganggu kawasan semula jadi dan

habitat haiwan di Sungai Linggi di kawasan Negeri Sembilan.

Beliau berkata, pihaknya melihat isu pembinaan KLIP daripada pelbagai sudut terutama impak kepada habitat semula jadi dan lokasi pelancongan di sekitar Sungai Linggi.

"Kami sangat prihatin dengan apa sahaja berkaitan alam semula jadi dan Sungai Linggi ada kepelbagaian ekosistem serta ha-

bitat termasuk buaya, udang galah, ikan, kerang, siput dan kelip-kelip.

"Terdapat banyak chalet dengan pemandangan pantai cantik serta menarik dan projek dirancang itu dijangka memberi kesan negatif kepada kawasan se-

kitar.

"Kami minta pihak berkenaan memilih lokasi lain yang

lebih sesuai dan tidak mengganggu alam sekitar selain menjejaskan pendapatan nelayan kecil kawasan ini," katanya selepas memberi penerangan kepada nelayan Sungai Linggi berkaitan projek KLIP di Jeti Pangkalan Nelayan Sungai Ti-

mun, dekat sini, petang kelmarin. Hadir

MNS BIMBANG PEMBINAAN KLIP DEKAT PORT DICKSON

Jejas habitat haiwan, lokasi pelancongan di Sungai Linggi

haknya tidak mahu projek berkenaan memberi kesan kepada Negeri Sembilan khususnya berkaitan isu hakisan dan masalah kepada nelayan.

Berikutan itu, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Sulaiman Md Ali dalam kenyataan susulan memaklumkan kerajaan Melaka sedia membatalkan projek terbabit sekiranya tidak mematuhi syarat pembangunan khususnya EIA.

sama, Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Sembilan, Abu Bakar Dawam.

Sebelum ini, media melaporkan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun menengahkan kerajaan negeri membantah pembinaan KLIP sekiranya didapati tidak mematuhi laporan Peilaian Impak Alam Sekeliling (EIA) Jabatan Alam Sekitar (Jas).

Aminuddin berkata, pi-

Sungai Linggi jadi habitat buaya, udang galah, ikan, kerang, siput dan kelip-kelip